

Penjenamaan semula Kolej 17 UPM

Oleh Nurul Ezzaty Mohd Azhari
bhpendidikan@bh.com.my

Serdang: Kolej 17 Universiti Putra Malaysia (UPM) dijennamakan semula sebagai Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee sempena memperingati sumbangan dan khidmat bakti tokoh akademik terkemuka itu.

Pengetua Kolej 17, Prof Madya Dr Jasronita Jasni, berkata perubahan nama itu dibuat sebagai satu inisiatif yang diambil oleh pengurusan UPM dalam usaha penjenamaan semula nama-nama kolej kediaman berinspirasi nama tokoh terkemuka.

“Sumbangan Allahyarham Tan Sri Mustaffa sangat besar bukan hanya di peringkat kebangsaan tetapi juga antarabangsa. Beliau dikenali sebagai

tokoh akademik terkemuka dalam bidang perubatan, perubatan veterinar serta sains kesihatan.

“Sebenarnya usaha penjenamaan semula ini dibuat ketika Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman masih lagi menyandang jawatan Timbalan Naib Canselor,” katanya dalam kenyataan media kepada *BH*.

Sumbang khidmat bakti

Majlis pelancaran nama baharu berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM itu turut meraikan pelajar yang menyumbang khidmat bakti mereka kepada Kolej 17 sepanjang sesi 2021/2022.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tengku

Syarif Laksamana Perlis Datuk Sri Diraja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail, Dr Mohd Roslan dan waris kepada Allahyarham Tan Sri Ahmad Mustaffa Babjee

Tegas Jasronita, besar harapannya untuk melihat Kolej 17 berupaya untuk terus melahirkan kelompok graduan berkualiti dan memenuhi kehendak keperluan pekerjaan yang semakin kompetitif.

“Perkara ini tentu saja sejajar dengan Matlamat Satu dalam Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu melahirkan watak graduan berdaya tahan mendepani cabaran mendatang.

“Justeru itu, penganjuran program yang bersifat holistik adalah penting untuk membentuk keseimbangan spiritual, fizikal, emosi dan intelek bakal graduan,” katanya.



Roslan (kiri) ketika menyerahkan cenderahati kepada waris Mustaffa, Prof Dr Abdul Salam Babji.